

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : NASIONAL



Pelancong China dibenar masuk

Kerajaan membenarkan pelancong asing memasuki Malaysia, termasuk dari negara yang mempunyai kadar jangkitan COVID-19 yang tinggi seperti China dan Amerika Syarikat (AS) dengan kawalan yang ketat.

- Jabatan Imigresen dan KKM kawal semua pintu masuk negara bagi memantau kemasukan rakyat asing
- Mereka yang mempunyai suhu badan tinggi dan bergejala perlu jalani ujian RTK Antigen
- Kabinet berpendapat kesihatan rakyat dan kepentingan negara paling utama berbanding soal pelancongan atau ekonomi

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Zanariah Abd Mutalib
→ Nasional 2

MA63: Pusat setuju serah kuasa lulus projek bawah RM50 juta kepada Sabah, Sarawak

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan Persekutuan dan Kementerian Kewangan (MoF) bersetuju menyerahkan kuasa meluluskan projek pembangunan bernilai sehingga RM50 juta kepada pentadbiran Sabah dan Sarawak, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, lang-

kah itu bagi memastikan keputusan segera dapat dibuat tanpa perlu kata putus Persekutuan, namun kelulusan oleh pentadbiran di kedua-dua wilayah itu perlu mematuhi peraturan kewangan sedia ada.

Beliau memaklumkan, keputusan berkenaan juga selaras Perjanjian Malaysia 1963 (MA63), bertujuan memastikan projek tangguh disebabkan keputusan

berkaitan perlu dibuat oleh agensi Persekutuan, dapat dilaksanakan dengan segera.

"Walaupun peruntukan besar diberikan, tetapi peruntukan itu tidak dapat dipenuhi kerana kerana pentadbiran mengikut peraturan biasa yang terpaksa merujuk kepada Persekutuan.

Nasional 2

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Kemasukan pengembara asing dibenar dengan kawalan ketat

Kerajaan tak diskriminasi mana-mana negara, isu kesihatan rakyat paling utama

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Zanariah Abd Mutalib
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan memutuskan kemasukan pengembara asing ke Malaysia, termasuk dari negara yang mempunyai kadar jangkitan COVID-19 yang tinggi seperti China dan Amerika Syarikat (AS) adalah dibenarkan dengan kawalan yang ketat.

Malaysia tidak mendiskriminasi mana-mana negara dalam menjalankan pemeriksaan COVID-19 terhadap pelancong yang tiba di negara ini, namun mahu memastikan kesihatan rakyat adalah keutamaan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, kawalan di semua pintu masuk negara oleh Jabatan Imigresen dan Kementerian Kesihatan juga diperketatkan bagi memantau kemasukan rakyat asing ke Malaysia.

Perdana Menteri berkata, antara langkah diputuskan termasuk mereka yang mempunyai suhu badan yang tinggi dan ber-

gejala perlu menjalani ujian RTK Antigen (Rapid Test Kit Antigen (RTK-Ag) untuk COVID-19.

"Jemaah Menteri berpendapat masalah kesihatan rakyat adalah hal yang paling utama dan soal pelancongan atau ekonomi tidak boleh mengatasi kepentingan negara dalam mengawal wabak dan jangkitan, termasuk COVID-19.

"Jadi, pemantauan terhadap kemasukan semua pengembara akan terus dipantau secara telus tanpa melonggarkan syarat yang ditetapkan, antaranya pengesanan suhu badan.

"Sekarang kita tidak ambil pendirian untuk mendiskriminasi mana-mana negara kerana kalau dilihat kadar jangkitan di China seperti yang diuar-uarkan, kita juga tahu kematian di AS juga tinggi, begitu juga dengan beberapa negara lain.

"Kita ambil tindakan menyelamatkan rakyat kita, jadi sesiapa sahaja yang masuk harus dipantau dan dikenakan syarat sama," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet, di sini, semalam.

Lonjakan ketara kes COVID-19, khususnya sub varian Omicron BA.5.2 dan BE.7 di China selepas menamatkan dasar 'sifar COVID-19' awal bulan lalu mengundang kekusaran banyak pihak, termasuk rakyat Malaysia yang mahu kerajaan mengambil langkah kawalan terbaik seperti melakukan ujian saringan sebaik pengembara tiba di pintu sempadan negara.

Susulan penamatan dasar yang



Anwar pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet di Putrajaya, semalam.
(Foto BERNAMA)

diamalkan sejak tiga tahun lalu, China juga mengumumkan akan membuka sempadan antarabangsa bermula 8 Januari ini.

Tak mahu bertindak gopoh

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, Menteri Dalam Negeri (Datuk Seri Saifuddin Nasion) memaklumkan, pada tahun lalu, seramai 336,000 pengembara dari China memasuki Malaysia dengan majoritinya adalah pelancong dan Disember lalu, jumlah pelawat dari negara itu adalah 53,000 orang.

"Jadi kita tidak melihat lonjakan jangkitan seperti mana

yang digembar-gemburkan dan kita tidak melihat jangkitan yang mengaitkan dengan mana-mana negara.

"Saya nak jelaskan hal ini dari segi data yang kita peroleh tapi ini tidak bermakna, kita beri ke-longgaran kepada mana-mana negara termasuk China. Kita harus pantau menurut keperluan dan kepentingan kita," katanya.

Perdana Menteri turut menegaskan, Malaysia tidak mahu mengambil satu tindakan gopoh kerana beberapa laporan berkaitan kadar jangkitan yang tinggi di sesetengah negara.

"Saya mahu tekankan, kawa-

lan itu diperketat tapi tidak memilih negara kerana umpamanya, pengunjung mungkin datang dari Indonesia tetapi bulan lalu, dia ke China.

"Hal sedemikian lebih kompleks, jadi kita tidak mahu ambil tindakan yang gopoh.

"Jika dilihat tinjauan seluruh dunia, masalah itu lebih menyeluruh dan yang penting adalah kita tidak bertolak ansur dalam menjamin keselamatan rakyat," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Anwar berkata, Malaysia mempunyai jumlah vaksin yang mencukupi, namun banyak yang terpaksa dilupuskan kerana sambutan rakyat terhadap dos penggalak COVID-19 tidak seperti dos pertama dan kedua.

Setakat 31 Disember lalu, hanya 49 peratus daripada mereka yang sudah melengkapkan vaksinasi mengambil dos penggalak pertama, manakala jumlah mengambil dos kedua hanya 1.9 peratus.

"Ketika ini, bekalan vaksin masih ada sekitar enam juta dos. Jadi saya syorkan, mereka yang belum ambil dos penggalak untuk ambil kerana mengikut unjuran dan kajian Kementerian Kesihatan (KKM), jangkitan ini belum tamat.

"Jadi jika begitu, yang sudah ambil dos pertama dan kedua, harus mengambil dos penggalak kerana vaksinnnya masih ada," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan beliau sudah mendapatkan dos penggalak COVID-19.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

Hanya 2,977
ambil dos
penggalak
kedua
di Kelantan

Kota Bharu: Jumlah penduduk di Kelantan yang mengambil dos penggalak kedua vaksin COVID-19 hanya 0.2 peratus atau 2,977 individu, paling rendah di negara ini.

Malah, Pengarah Kesihatan Kelantan, Datuk Dr Zaini Hussin, berkata statistik semasa menunjukkan penduduk di Kelantan meliputi pelbagai peringkat umur yang menerima suntikan dos penggalak pertama juga hanya 17.6 peratus atau 339,414 individu setakat ini.

Justeru, beliau berharap lebih ramai penduduk di negeri ini, terutama yang ada masalah kesihatan tampil mengambil suntikan berkenaan supaya sistem imun dapat bersedia untuk sebarang jangkitan semula.

"Kita akan sentiasa menekankan kepentingan mengambil vaksin ini kepada masyarakat, selain mengadakan program berhubung pentingnya dos penggalak kedua, terutama bagi golongan yang mempunyai masalah kesihatan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Sementara itu, di **Johor Bahru**, Pengerusi Jawatan Kuasa Kesihatan dan Perpaduan Johor, Ling Tian Soon, berkata sebanyak 56.7 peratus penduduk negeri itu sudah mengambil dos penggalak pertama berbanding empat juta populasi, manakala pengambilan dos penggalak kedua lebih rendah, iaitu hanya 1.8 peratus.

Susulan varian terbaru COVID-19 yang dikesan ketika ini, beliau menyarankan penduduk negeri itu, terutama yang berisiko tinggi supaya melengkapkan vaksinasi untuk mengurangkan kebarangkalian mendapat jangkitan serius dan kematian.

"Sehingga semalam (kelmarin), sebanyak 87 peratus daripada populasi di Johor telah mendapat vaksinasi dos primer yang lengkap, namun perlindungan diberikan vaksin COVID-19 akan berkurang selepas tempoh tertentu dan bergantung kepada jenis varian semasa.

"Oleh itu, mereka yang belum melengkapkan dos primer atau dos penggalak, terutama golongan berisiko tinggi disarankan segera mendapatkan vaksin secara datang terus atau janji temu di klinik kesihatan atau hospital," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Penularan COVID-19

Syor terima pelancong dari China berperingkat

Tindakan sebagai langkah berjaga-jaga cegah kes import virus

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menyarankan kerajaan menerima kedatangan pengembara dari China secara beransur-ansur dan hanya melonggarkan prosedur itu apabila situasi COVID-19 di republik berkenaan bertambah baik.

Presiden, Dr Muruga Raj Rajathurai, berkata kaedah itu disarankan sebagai langkah berjaga-jaga bagi mencegah kes import virus berkenaan.

Katanya, MMA juga menyarankan kerajaan menetapkan syarat hanya pengembara dari China yang mendapat vaksin sepenuhnya dengan keputusan ujian Polimerase-Transkripsi Terbalik (RT-PCR) negatif, dibenarkan masuk ke Malaysia.

"Selain itu, apabila tiba di pintu masuk atau dalam masa 24 jam, mereka perlu menjalani pemeriksaan Antigen RTK profesional untuk COVID-19. Perkara sama juga harus dilakukan untuk pelancong asing dari negara lain yang mengalami peningkatan ketara dalam kes COVID-19.

"Buat masa ini, China mengalami peningkatan kes COVID-19, jadi MMA menggesa Kementerian Kesihatan (KKM) mengambil semua langkah yang perlu bagi mencegah lonjakan kes di negara ini, selain langkah pencegahan semasa.

"Walaupun varian COVID-19 yang dominan di China sudah dikesan di Malaysia, semua langkah berjaga-jaga harus diambil untuk mengelakkan lonjakan,"

katanya melalui satu kenyataan, semalam.

China dijangka membuka pintu sempadannya 8 Januari ini walaupun republik itu ketika ini berdepan peningkatan jangkitan COVID-19 yang serius.

Sebelum ini, Malaysia menetapkan pengembara yang tiba dari luar, termasuk China perlu melalui saringan demam di pintu masuk antarabangsa (PMA).

Kawalan lebih ketat

Sampel air kumbahan pesawat dari republik itu juga akan diambil untuk ujian PCR di Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan seterusnya bagi penjujukan genom sekiranya ada yang dikesan positif COVID-19.

Perdana Menteri, Datuk Seri

Walaupun varian COVID-19 yang dominan di China sudah dikesan di Malaysia, semua langkah berjaga-jaga harus diambil untuk elak lonjakan

Dr Muruga Raj Rajathurai,
Presiden MMA



'Usah layan dakwaan kumpulan antivaksin'

Kuala Lumpur: Orang ramai dinasihatkan tidak melayan dakwaan kumpulan antivaksin yang terbukti tidak tepat, sebaliknya cakna dengan pencegahan COVID-19 melalui pengambilan dos penggalak berikutan situasi semasa di China yang menunjukkan virus itu kembali menular.

Pakar perubatan kesihatan awam, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar, berkata kumpulan antivaksin akan tetap ada, mendakwa kononnya untuk menyelamatkan masyarakat, tetapi sebaliknya berlaku, malah dakwaan mereka mengenai keburukan vaksin sudah terbukti tidak tepat.

"COVID-19 tetap ada dan akan terus ada buat masa yang lama, jadi endemik seperti selesema dan lain-lain, selain merubah sifat jangkitan dan penyakit," katanya semalam.

Beliau berkata, varian baharu serta tahap imunisasi yang berkurangan dalam kalangan individu dan masyarakat serta sifat virus yang sentiasa membina kekuatan melawan pertahanan tu-

buh manusia, antara sebab utama jangkitan berterusan.

"Jadi amat penting individu dan masyarakat membina dan menambah tahap imunisasi. Kita sudah ada vaksin yang terbukti dapat mengurangkan jangkitan dan kematian, tetapi kita juga tahu tahap ketahanan berkurangan selepas beberapa waktu.

"Sebab itu kita perlu melengkapkan dos satu dan dua, kemudiannya ditingkatkan lagi dengan dos tambahan (booster) satu dan dua," katanya yang juga penasihat Pertubuhan Kesihatan Awam Malaysia (PKAM).

Dr Zainal Ariffin meminta masyarakat dan kerajaan mengambil tindakan yang lebih lagi bagi meningkatkan liputan dos tambahan yang agak rendah di Malaysia, iaitu 50 peratus bagi dos tambahan satu dan dua peratus dos tambahan dua.

"Ini kerana jangkitan COVID-19 masih ada, pergerakan keluar masuk sempadan negara yang tinggi, perluasan aktiviti sosial dan ekonomi serta tahap



Tahap imunisasi berkurangan dalam kalangan individu memerlukan pengambilan dos penggalak bagi kurangkan risiko jangkitan COVID-19 yang lebih parah.

(Foto hiasan)

imunisasi yang berkurangan dalam kalangan individu dan komuniti.

"Bagi individu berisiko, wajiban diri untuk lengkapkan imunisasi asas dan dos tambahan secepat mungkin. Kita juga perlu terus amalkan norma yang kita amalkan dulu iaitu pakai pelitup muka, guna cecair pembasmi ku-

man, penjarakan fizikal, elak tempat sesak serta buat ujian COVID-19 sendiri secara berkala.

"Kita sudah mengalami kesan jangkitan, penyakit, kesengsaraan, kematian dan kesan kepada kehidupan sosial dan ekonomi kita serta negara akibat pandemik. Jadi kita tidak mahu ia berulang lagi," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : NASIONAL

KKM batalkan penjualan 2 produk kosmetik beracun

Orang ramai dinasihatkan segera henti penggunaan, dapatkan nasihat pakar

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) Kementerian Kesihatan (KKM) menggesa orang awam tidak membeli dan menggunakan produk kosmetik Flashhskinzz Night Cream dan Rissa Skin Moisturiser yang dikesan mengandungi racun berjadual.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham, berkata Flashhskinzz Night Cream mengandungi hidrokuinon (hydroquinone), manakala Rissa Skin Moisturiser mengandungi hidrokuinon, tretinoin dan betamethasone 17-valerate.

"Notifikasi produk kosmetik terbabit sudah dibatalkan Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi, KKM dan tidak lagi dibenarkan untuk dijual di Malaysia," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, produk yang mengandungi hydroquinone, tretinoin dan betamethasone 17-valerate adalah ubat yang perlu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah dan hanya boleh digunakan dengan nasihat ahli profesional kesihatan.

Beri kesan sampingan

"Penggunaan produk boleh menyebabkan kesan sampingan tidak diingini seperti hidrokuinon menyebabkan kemerahan pada kulit yang disapu, ketidakselesaan, perubahan warna kulit yang tidak diingini, kulit menjadi hipersensitif, boleh menghalang proses pigmentasi (depigmentasi) yang mengurangkan perlindungan kulit daripada pancaran sinar UV merbahaya dan boleh meningkatkan risiko kanser kulit.

"Penggunaan tretinoin tanpa pengawasan ahli profesional kesihatan boleh menyebabkan bahagian kulit yang disapu menjadi kemerahan, tidak selesa, pedih, mengelupas dan hipersensitif kepada cahaya matahari.

da cahaya matahari.

"Betamethasone 17-Valerate boleh menyebabkan bahagian kulit muka yang disapu menjadi nipis dan mudah mengalami iritasi, jerawat, perubahan pada pigmentasi kulit dan meningkatkan risiko untuk diserap ke dalam sistem peredaran darah yang boleh membawa kesan mudarat," katanya.

Katanya, penjual dan pengedar produk kosmetik perlu menghentikan penjualan dan pengedaran produk kosmetik itu dengan serta-merta.

"Penjualan dan pengedaran produk kosmetik ini melanggar Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

"Orang awam yang sedang menggunakan produk kosmetik ini dinasihatkan segera menghentikan penggunaannya dan mendapatkan nasihat ahli profesional kesihatan jika mengalami sebarang ketidakselesaan atau kesan advers," katanya.

Notifikasi produk kosmetik terbabit sudah dibatalkan Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi, KKM dan tidak lagi dibenarkan untuk dijual di Malaysia

Dr Noor Hisham,
Ketua Pengarah Kesihatan



AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

MEDEPANI LETUSAN BAHARU COVID-19

MASA UNTUK DOS PENGALAK

PANTAU PENGEMBARA SECARA
TELUS TANPA LONGGARKAN SYARAT

TIADA DISKRIMINASI TERHADAP
PENGEMBARA MANA-MANA NEGARA

MALAYSIA ADA VAKSIN MENCUKUPI

HANYA 49% MERKA YANG SUDAH
LENGKAP VAKSINASI AMBIL DOS
PENGALAK

TIDAK PERLU LAYAN DAKYAH
KUMPULAN ANTIVAKSIN

Pakar kesihatan mencadangkan
rakyat Malaysia terutama golongan
berisiko supaya melengkapkan dos
vaksin penggalak dalam menghadapi
senario terbaharu jangkitan Covid-19
ketika ini. Mereka turut meminta
kerajaan supaya menimbang semula
keputusan menerima kedatangan
pelancong terutama dari China.
Sekiranya Malaysia tidak bersedia
untuk menyaring kesemua pelancong
dari republik berkenaan.

lapor Nor Asyikin Mat Hayin



MSB 9610

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : LOKAL

Johor Bahru Hanya 56.7 peratus penduduk Johor mengambil satu dos penggalak, berbanding 4 juta populasi negeri itu.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan Johor, Ling Tian Soon berkata, penerima dos penggalak kedua juga lebih rendah iaitu 1.8 peratus.

Susulan varian terbaharu Covid-19 yang dikesan ketika ini, Ling menyarankan rakyat Malaysia, memandangkan mereka yang berisiko tinggi supaya melengkapkan vaksinasi.

Penerima dos penggalak kedua di Johor hanya 1.8%



Perlindungan yang diberikan oleh vaksin Covid-19 ini akan berkurang selepas tempoh masa tertentu dan bergantung kepada jenis varian semasa

Ling Tian Soon

Katanya, ia untuk mengurangkan kebarangkalian mendapat jangkitan serius dan kematian.

"Sehingga semalam (kelmarin), 87 peratus daripada populasi di Johor sudah mendapat vaksinasi dos primer yang lengkap.

"Perlindungan diberi vaksin Covid-19 berkurang selepas tempoh masa tertentu dan bergantung kepada jenis varian semasa. "Oleh itu, mereka yang

belum melengkapkan dos primer atau dos penggalak terutama golongan berisiko tinggi,

disarankan segera mendapatkan vaksin secara *walk in* atau janji temu di klinik kesihatan atau hospital," katanya dalam kenyataan, semalam.

Awal bulan lalu, China dilaporkan menamatkan dasar sifar-Covid bagi membendung wabak berkenaan dengan pembukaan semula sempadan negaranya, yang mendorong Malaysia mengambil langkah berjaga-jaga.

Namun penamatan dasar itu turut menyaksikan peningkatan kes dan kematian di China akibat wabak yang disebabkan oleh subvarian Omicron, BA.5 yang lebih berbahaya.

Pakar kesihatan awam Malaysia turut dilapor menyaran individu berisiko tinggi supaya mengambil vaksin penggalak tambahan kerana berkemungkinan status imun semakin rendah dan memerlukan dos tambahan bagi merangsang sistem imun sedia ada.

DOS PENGGALAK KEDUA COVID-19

Individu berisiko perlu disuntik

Oleh Nor Asyikin Mat Hayin
asyikin.mat@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kerajaan dilihat mempunyai persediaan baik untuk memberikan suntikan dos vaksin penggalak kedua kepada rakyat Malaysia, memandangkan bekalan vaksin itu sudah tersedia di negara ini.

Pakar Virologi Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Madya Dr Chee Hui Yee berkata, bagaimanapun tidak ramai ingin mengambil dos vaksin penggalak kedua. "Saya mencadangkan individu berisiko tinggi seperti yang menghidap penyakit kronik, terimunokompromi dan mereka yang sentiasa bergaul dengan pelawat asing supaya mengambil dos vaksin berkenaan.

"Langkah ini dapat mengurangkan kebarangkalian mengalami kesan teruk.

"Namun, kita tidak boleh katakan ia tidak akan mengalami kesan teruk 100 peratus. Ini kerana, ia bergantung kepada sistem imun individu terbit," katanya.

Dr Chee berkata, beliau berpendapat tidak semua penerima vaksin dos penggalak perlu mengambil dos vaksin penggalak kedua kecuali golongan berisiko tinggi.



Tambahan pula, rakyat Malaysia sudah mengetahui bagaimana mengikuti prosedur operasi standard (SOP) yang mudah iaitu memakai pelitup muka dengan cara betul serta kerap mencuci tangan

Dr Hui Yee



Kerajaan perlu menimbang semula keputusan menerima kedatangan pelancong dari China, sekiranya Malaysia tidak bersedia menyaring semua pelancong negara republik berkenaan

Dr Sharifa Ezat

sah penafasan mengandung virus juga dihembus keluar daripada hidung dan seterusnya meningkatkan risiko jangkitan," katanya.

Selain itu, beliau berkata, masyarakat tidak perlu bimbang dengan kemuculan Varian BA.5.2 dan BF.7 Covid-19 di Malaysia.

Jelasnya, setakat ini, tiada data menunjukkan varian itu lebih berbahaya daripada



RAKYAT Malaysia sudah mengamalkan SOP mudah iaitu memakai pelitup muka dengan cara betul serta kerap mencuci tangan.

varian Delta.

"Kebiasaannya, virus baharu menjadi lebih mudah merebak, tetapi sangat tidak patogenik," katanya.

Sementara itu, Pakar Perubatan Kesihatan Masyarakat dan Ekonomi Kesihatan Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh berkata, kerajaan perlu menimbang semula keputusan menerima kedatangan pelancong dari China, sekiranya Malaysia tidak bersedia untuk menyaring semua pelancong negara republik berkenaan.

"Tetapi pilihan terbaik pada masa ini ialah menghalang mereka daripada memasuki Malaysia.

"Ini kerana, kemungkinan varian baharu dibawa masuk dari China adalah tinggi," katanya.

Berkenaan persediaan Malaysia berhadapan varian baharu, Dr Sharifa Ezat menegaskan, ujian saringan dan pengasingan terhadap pelancong yang positif Covid-19 perlu dimantapkan. "Selain itu, mereka perlu menjalani kuarantin seku-

rang-kurangnya lima hari dan disusuli dengan ujian RT-PCR (*real-time reverse transcription-polymerase chain reaction*).

"Semua kos untuk prosedur ini perlu ditanggung sepenuhnya pelancong dan bukannya kerajaan Malaysia," katanya.

Dalam pada itu, beliau menasihati rakyat Malaysia supaya mengelak bergaul dengan mereka yang baru tiba dari China, memakai pelitup muka dan mendapatkan suntikan vaksin dos penggalak.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : LOKAL

Usah layan dakyah antivaksin

Masyarakat disaran ambil dos penggalak bina kekuatan badan susulan penularan varian baharu

Oleh Noor Hidayah
Tanzizi
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tidak perlu melayan dakyah kumpulan antivaksin sebaliknya cakna dengan pencegahan Covid-19 melalui pengambilan dos penggalak.

Ia berikutan wabak gelombang baharu Covid-19 dibimbangi kembali menular susulan kemunculan varian baru BA.5.2 dan varian BF.7.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar berkata, 'geng antivaksin' akan tetap ada dan mereka mendakwa kononnya mahu menyelamatkan masyarakat.

"Tetapi sebaliknya dakwaan berhubung keburukan vaksin oleh mereka terbukti tidak tepat," katanaya.

Menurutnya, virus Covid-19 tetap ada dan menjadi endemik seperti selesema selain berubah sifat jangkitan dan penyakit.

"Varian baharu serta tahap imunisasi yang menurun di kalangan individu dan masyarakat serta sifat virus yang sentiasa membina kekuatan melawan pertahanan tubuh manusia antara sebab utama jangkitan Covid-19 berterusan.

"Jadi amat penting individu dan masyarakat mem-



ORANG awam disaran supaya melengkapkan pengambilan vaksin yang terbukti mengurangkan jangkitan, kematian.

bina dan menambah tahap imunisasi. Kita sudah ada vaksin yang terbukti dapat mengurangkan jangkitan dan kematian.

"Tetapi kita juga tahu tahap ketahanan berkurangan selepas beberapa waktu (pengambilan vaksin). Sebab itu kita perlu melengkapkan dos satu dan dua, kemudiannya ditingkatkan lagi dengan dos tambahan (booster) satu dan dua," katanya ketika di-

hubung Harijan Metro, semalam.

Beliau yang juga penasihat Pertubuhan Kesihatan Awam Malaysia (PKAM) berkata, masyarakat dan kerajaan perlu mengambil tindakan bagi meningkatkan liputan dos tambahan yang agak rendah di Malaysia iaitu sekitar 50 peratus bagi dos tambahan satu dan dua peratus dos tambahan dua. "Pergerakan keluar masuk

sempadan negara yang tinggi, perluasan aktiviti sosial dan ekonomi menyebabkan tahap imunisasi menurun di kalangan individu dan komuniti.

"Bagi individu berisiko, wajibkan diri kita melengkapkan imunisasi asas dan dos tambahan secepat mungkin.

“Amat penting individu dan masyarakat membina dan menambah tahap imunisasi”
Dr Zainal Ariffin



"Selain itu kita perlu terus amalkan norma yang kita amalkan sebelum ini iaitu pemakaian pelitup muka, sanitiser, penjarakan fizikal dan elakkan tempat sesak serta melakukan ujian Covid-19 sendiri secara berkala.

"Kita sudah mengalami kesan jangkitan, penyakit, kesengsaraan, kematian dan kesan kepada kehidupan sosial dan ekonomi kesan pandemik Covid-19. Jadi kita tidak mahu ia berulang lagi," katanaya.

Sebelum ini media melaporkan, kes Covid-19 di China mencekutkan kebimbangan dunia termasuk Malaysia, apatah lagi China yang kini memilih 'hidup bersama Covid' akan membuka semula sempadannya pada 8 Januari ini.

Difahamkan, dua varian Covid-19 utama yang menular di China iaitu varian BA.5.2 dan varian BF.7 di kesan sudah berada di Malaysia.

Namun varian BA.5.2 dan BF.7 menular di China ketika ini disifatkan tidak mendatangkan kesan jangkitan teruk di negara ini memandangkan hampir 90 peratus penduduk sudah divaksin.

Langkawi: Penggiat industri pelancongan di pulau peranginan ini mahu kerajaan menguatkuasakan prosedur operasi standard (SOP) ketat dalam mengawal varian baharu Covid-19 daripada menular, seiring kemasukan pelancong terutamanya dari China.

Pengerusi Persatuan Pelancongan Penduduk Langkawi (LRTA) Hazani Hussin berkata, pihaknya tidak bersetuju dengan cadangan menyekat kemasukan pelancong China.

"Tindakan menghalang pelancong memberi kesan buruk, jangka pendek dan panjang kepada industri pelancongan tempatan yang masih dalam fasa pemulihan pasca Covid-19.

"Sepatutnya tidak perlu sekat (kemasukan pelancong dari China), tetapi perkenalkan SOP ketat kerana pasaran pelancong dari negara itu antara penyumbang terbesar industri tempatan," katanya.

SEKATAN KE ATAS PELANCONG CHINA

Waspada elak padah menjelma



HAZANI

Hazani berkata, penggiat industri pelancongan di Langkawi masih bergelut bangkit semula dan menyifatkan sekatan hanya seperti 'kapal layar tiada angin'.

Sependapat dengannya, Pengurus FARR Holidays, Mohd Faizal Hisham Husin berkata, China pasaran pelancongan penting dan sebarang penggantungan sementara akan memberi ke-



NORAINI

san kepada industri.

"Cara terbaik jangan sekat sepenuhnya, tapi kekang penularan dengan memperketatkan SOP di pintu masuk, selain laksana pemeriksaan suhu badan di hotel penginapan dan semua produk pelancongan serta premis perniagaan.

"Pengalaman lalu apabila kerajaan sekat kemasukan pelancong, ramai pengusaha

kereta sewa hilang pendapatan, malah terpaksa jual aset," katanya yang juga pengusaha kereta sewa pandu sendiri.

Bagi Pengurus Besar Underwater World Langkawi (UWL), Noraini Jumaat berkata, pihaknya melihat cadangan menyekat kemasukan pelancong dari China dari sudut positif.

"Walaupun UWL antara produk tarikan pelancongan utama di Langkawi, tapi jika kemasukan pelancong dari China boleh memudaratkan, lebih baik ia disekat buat sementara waktu.

"Situasi sekarang memang kita lihat ramai penduduk negara itu berpusing-pusing mahu keluar untuk elak jangkitan Covid-19, jadi jika tidak berwaspada kita pula terima padah nanti," katanya.

Trend jangkitan harian menurun

Kuala Lumpur: Di sebalik kebimbangan orang ramai terhadap gelombang baharu Covid-19, kes jangkitan Covid-19 dalam negara terus menunjukkan trend penurunan dan kekal berada di bawah 400 kes untuk dua hari berturut-turut.

Kelmarin, jumlah kes jangkitan harian turun kepada 333 kes, berbanding 360 kes yang dilaporkan hari sebelumnya.

Portal KKMNOW turut memaklumkan satu kematian dilaporkan berkaitan dengan Covid-19 dalam tempoh 24 jam kelmarin.

Sementara itu, kes aktif yang direkodkan pada semalam juga turun kepada 11,763 kes dan daripada jumlah berkenaan, 11,109 kes

622

Jumlah pesakit
koronavirus dirawat
di hospital

atau sebanyak 94.4 peratus pesakit sedang menjalani proses kuarantin di rumah.

Tiada pesakit ditempatkan di pusat kuarantin (PKRC), manakala 622 pesakit mendapat rawatan di hospital.

Daripada jumlah itu juga, 32 daripada mereka ditempatkan di unit rawatan rapi (ICU), manakala 20 pesakit memerlukan alat bantuan pernafasan.

Portal itu juga merekodkan sebanyak 376 kes sembuh.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : LOKAL

Kawal ketat kemasukan pengembara asing

Kuala Lumpur: Kemasukan pengembara asing ke Malaysia akan dikawal dengan lebih ketat tanpa menjuriskan kepada mana-mana negara, termasuk yang mempunyai kadar kes Covid-19 yang tinggi seperti China dan juga Amerika Syarikat (AS).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim (*gambar*) berkata, masalah kesihatan rakyat adalah hal yang paling utama dan soal pelancongan atau pertumbuhan ekonomi tidak boleh mengatasi kepentingan mengawal dan merawat rakyat dari segi wabak serta jangkitan, termasuklah Covid-19.

Justeru katanya, pemantauan terhadap kemasukan pengembara itu akan terus dipantau secara telus tanpa melonggarkan syarat yang ditetapkan, antaranya pengesanan suhu badan.

"Sekarang kita tidak ambil pendirian untuk mendiskriminasi mana-mana negara kerana kalau dilihat kadar jangkitan di China seperti

yang diuar-uarkan, kita juga tahu kematian di AS juga tinggi, begitu juga dengan beberapa negara lain.

"Kita ambil tindakan menyelamatkan rakyat kita, jadi sesiapa saja yang masuk harus dipantau dan dikenakan syarat sama," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet di Perdana Putra, Putrajaya, semalam.

Lonjakan ketara kes Covid-19 di China mengundang kegusaran banyak pihak termasuk

rakyat Malaysia yang mahu kerajaan mengambil langkah kawalan terbaik seperti melakukan ujian saringan Covid-19 sebaik pengembara tiba di pintu sempadan negara.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri memaklumkan, tahun lalu, negara mencatatkan seramai 336,000 pelawat dari China dan majoritinya ialah pelancong.

Katanya, pada Disember lalu sahaja, jumlah pelawat dari negara itu adalah seramai 53,000 orang.

"Ia tidak memberi kesan seperti mana yang digembar-gemburkan dan kita tidak melihat jangkitan yang mengaitkan mana-mana negara.

"Saya nak jelaskan hal ini dari segi data yang kita peroleh tapi ini tidak bermakna, kita beri kelonggaran kepada mana-mana negara termasuk China.

"Kita harus pantau menurut keperluan dan kepentingan kita," katanya.

Perdana Menteri turut menegaskan, Malaysia tidak mahu mengambil satu tindakan gopoh kerana beberapa laporan berkaitan kadar jangkitan yang tinggi di sesetengah negara.

"Saya mahu tekankan, kawalan itu diperketat tapi tidak memilih negara kerana umpamanya, pengunjungan mungkin datang dari Indonesia tetapi bulan lalu, dia ke China.

"Hal-hal sedemikian lebih kompleks, jadi kita tidak mahu ambil tindakan yang gopoh.

"Jika dilihat tinjauan seluruh dunia, masalah itu lebih menyeluruh dan yang penting adalah kita tidak bertolak ansur dalam menjamin keselamatan rakyat," katanya.

Banyak vaksin terpaksa dilupus

Kuala Lumpur: Malaysia mempunyai jumlah vaksin yang mencukupi, namun banyak vaksin yang terpaksa dilupuskan kerana sambutan rakyat terhadap dos penggalak Covid-19 tidak seperti dos pertama dan kedua.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, hanya 49 peratus daripada mereka yang sudah melengkapkan vaksinasi mengambil dos penggalak dan ketika ini, bekalan vaksin masih ada sekitar enam juta dos.

"Jadi saya syorkan, bermula dengan wartawan yang belum mengambil dos penggalak untuk ambil kerana mengikut unjuran dan kajian Kementerian Kesihatan (KKM), jangkitan ini belum tamat.

"Jadi jika begitu, mereka yang sudah mengambil dos pertama dan juga kedua, harus mengambil dos peng-

galak kerana vaksinnnya masih ada," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet di Perdana Putra, Putrajaya di sini, semalam.

Kelmarin, Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, memaklumkan hanya 49.8 peratus rakyat Malaysia mendapatkan dos penggalak pertama dan 1.9 peratus saja sudah mengambil dos kedua.

Pada Disember lalu, Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) memberi kelulusan bersyarat untuk vaksin Covid-19 Pfizer yang dikemas kini.

Vaksin baharu itu dijangka dapat memberikan perlindungan lebih baik terhadap subvarian BA.5 Omicron walaupun prestasinya dengan varian baharu seperti XBB dan BQ.1 masih dikaji.



AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA!



TINDAKAN kawalan terutamanya di pintu-pintu masuk negara akan diperketatkan susulan peningkatan kes jangkitan Covid-19 ketika ini.

Kerajaan ketatkan SOP di pintu masuk negara, kekang penularan

Kesihatan rakyat lebih penting

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

PUTRAJAYA – Kerajaan memutuskan tidak melakukan diskriminasi terhadap pelancong dari mana-mana negara termasuk China sebaliknya terus melaksanakan tindakan kawalan dan pencegahan Covid-19 di pintu sempadan secara sama rata.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, masalah kesihatan rakyat menjadi keutamaan tertinggi kerajaan mengatasi kepentingan berkaitan pelancongan dan ekonomi ekoran ia tidak boleh dikompromi dalam mengawal penularan Covid-19.

"Segala tindakan kawalan terutamanya di pintu-pintu masuk antarabangsa akan diperketatkan tanpa melonggarkan syarat-syarat ujian saringan atau prosedur operasi standard (SOP) kerana tidak mahu menjadi pun-

ca penularan di negara ini.

"Kita sangat tegas dan tidak akan bertolak ansur. Semua tindakan bagi kemasukan rakyat asing akan dikawal lebih ketat tanpa menjerus kepada mana-mana negara.

"Ini lebih-lebih lagi negara yang jumlah jangkitannya lebih ramai termasuk Amerika Syarikat (AS) dan China di mana ia akan dipantau secara telus dengan tidak melonggarkan syarat-syarat atau SOP yang perlu dipatuhi," katanya selepas Mesyuarat Kabinet di sini semalam.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri menjelaskan, berdasarkan fakta, jumlah ketibaan pelawat dari negara China sepanjang tahun lalu seramai 336,000 dengan majoriti besarnya merupakan pelancong.

"Jumlah pelawat dari negara berkenaan khusus pada bulan Disember sahaja sekitar 53,000

orang dan berdasarkan peman-tauan, ia tidak memberi kesan kepada lonjakan jangkitan yang boleh dikaitkan dengan mana-mana negara.

"Tindakan memperketatkan kawalan kemasukan warga asing itu tidak memilih negara kerana penularan jangkitan adalah lebih kompleks," jelasnya.

Dalam perkembangan lain, Anwar turut menyeru rakyat untuk mengambil suntikan vaksin dos penggalak sebagai salah satu usaha pencegahan jangkitan Covid-19.

Katanya, sambutan pengam-bilan dos penggalak itu juga dili-hat begitu rendah iaitu sekitar 49 peratus sahaja sedangkan dos vaksin dimiliki negara ke-tika ini berjumlah enam juta.

"Jadi, saya usulkan mula dengan wartawan yang belum ambil dos peng-galak disusuli

rakyat kerana berdasarkan un-juran Kementerian Kesihatan, kes Covid-19 ini belum tamat, jadi kita minta yang belum untuk am-bil dos penggalak kerana vaksin masih ada," jelasnya.



ANWAR IBRAHIM

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA!

Pemain industri mohon tangguh kemasukan pelancong China kerana Covid-19

'Bimbang LIMA'23 Mei ini terjejas'

Oleh NUR AMALINA AZMAN

LANGKAWI – Persatuan Pelancongan Langkawi (LTA) meminta kerajaan untuk mempertimbangkan kemasukan pelancong dari China ke negara ini sehingga Jun depan berikutan peningkatan kes jangkitan Covid-19 di negara tersebut ketika ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Zainudin Kadir berkata, saranan berikut dibuat berikutan kebimbangan berlaku penularan kes Covid-19 di negara ini seterusnya menjejaskan pergerakan orang ramai dalam negara.

"Di Langkawi, industri pelancongan dalam proses pemulihan selain terdapat pengurangan program bertaraf antarabangsa pada tahun ini termasuk Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi 2023 (LIMA'23)," katanya di sini semalam.

Menurutnya, kerajaan perlu mengambil langkah berjaga-jaga dalam memastikan LIMA'23 yang dijadualkan berlangsung pada Mei ini tidak terjejas sehingga terpaksa dibatalkan sekali lagi.

"Program antarabangsa itu



PENGANJURAN LIMA'23 yang bakal diadakan di Pulau Langkawi pada Mei ini dikhuatiri terjejas berikutan peningkatan kes Covid-19 yang melanda China pada ketika ini. – GAMBAR HIASAN

sangat penting kepada industri pelancongan di sini, kerana ia menjadi antara program paling banyak menyumbang kepada ekonomi Langkawi.

"Kita risau sekiranya pelancong ini dibenarkan masuk tanpa kawalan, LIMA akan terjejas dan dibatalkan," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Beliau turut mendakwa ramai penggiat industri pelancongan menyuarakan kebimbangan mereka terhadap kemasukan pelancong dari China akan memberi kesan

kepada pemulihan ekonomi Langkawi yang bergantung kepada industri pelancongan.

Zainudin dalam pada itu mencadangkan agar kerajaan mengadakan saringan kepada pelancong yang berisiko dan tidak membenarkan mereka masuk tanpa kawalan seperti yang dilakukan sekarang.

Jelasnya, walaupun pelancong dari China merupakan antara pelancong paling ramai yang memasuki Langkawi sebelum wabak Covid-19, namun pulau ini kini banyak menerima pelancong dari Eropah yang kini dalam musim sejuk.

Tambahnya, sekiranya ada perbincangan untuk memulakan semula penerbangan sewa khas dari China ke sini seperti yang banyak diadakan sebelum ini, LTA meminta kerajaan untuk menangguhkan sebarang penerbangan tersebut sehinggalah keadaan semakin terkawal.

Pada bulan lalu, China mencatatkan kenaikan kes Covid-19 secara mendadak dalam tempoh 20 hari pertama pada bulan Disember sehingga hospital dibanjiri pesakit.

Hanya 1.8 peratus orang Johor terima dos penggalak kedua

JOHOR BAHRU – Hanya 1.8 peratus penduduk Johor mengambil dos penggalak kedua daripada keseluruhan kira-kira empat juta rakyat di negeri ini, kata Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan Johor, Ling Tian Soon.

Menurutnya, jumlah itu menunjukkan perbezaan ketara berbanding penerima dos penggalak pertama di negeri ini iaitu sebanyak 56.7 peratus.

Justeru, Tian Soon menyarankan rakyat Johor khususnya mereka berisiko tinggi untuk mendapatkan vaksinasi di 87 klinik kesihatan dan pusat pemberian vaksin (PPV) di negeri ini.

"Sebanyak 87 peratus daripada keseluruhan rakyat di Johor telah mendapat vaksinasi dos primer lengkap sehingga semalam (kelmarin).

"Perlindungan yang diberikan akan berkurang selepas tempoh tertentu dan bergantung kepada jenis varian semasa," katanya.

Sementara itu, seorang pengembara di Singapura, Nurazrin Baharin, 37, merayu kerajaan menyekat kemasukan warga China berikutan virus berkenaan cepat berjangkit.

"Kita boleh lihat bagaimana



RAKYAT di Johor terutama golongan berisiko disaran untuk mengambil dos penggalak kedua bagi mengurangkan kebarangkalian jangkitan.

Covid-19 melumpuhkan ekonomi kebanyakan rakyat kita sebelum ini. Saya sendiri terpaksa tinggal di Singapura selama dua tahun apabila kerajaan menutup sempadan Malaysia-Singapura.

"Janganlah sampai pisang berbuah dua kali. Jangan tunggu apabila kes sudah tinggi, baru hendak bertindak," katanya.

Sementara itu, seorang suri rumah Khairunnisak Jamal, 36, memberitahu, sekatan berkenaan demi kebaikan dan keselamatan rakyat Malaysia apabila penu-

laran wabak turut memberi kesan kepada kesihatan mental.

"Saya mempunyai rakan yang hilang pekerjaan di Singapura selepas 10 tahun hidup atas rezeki di negara kota Singa itu akibat pandemik Covid-19.

"Penularan wabak bukan sahaja akan memberi kesan kepada kesihatan tubuh badan tapi kesihatan mental. Apa yang paling utama, kemerosotan ekonomi keluarga selain kes bunuh diri meningkat apabila rakyat mengalami kemurungan," ujarnya.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 16
 RUANGAN : NEGARA!

Krim malam Flashhskinzz dan pelembap kulit Rissa

Dua produk kosmetik ada racun berjadual

Oleh NURUL IZZATI ZAINI

PETALING JAYA – Dua produk kosmetik dikesan mengandungi racun berjadual oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Kementerian Kesihatan (KKM).

Bahan berbahaya itu adalah hydroquinone, tretinoin dan betamethasone 17-valerate.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, dua produk berkenaan adalah krim malam Flashhskinzz dan pelembap kulit Rissa.

"Kami menggesa agar orang awam mengelak daripada membeli dan menggunakan produk-produk kosmetik tersebut.

"Notifikasi produk-produk kosmetik ini juga telah dibatalkan oleh Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi, KKM dan tidak lagi dibenarkan untuk dijual di Malaysia," jelasnya dalam satu kenyataan.

Tambahnya, produk-produk yang ada bahan terlarang itu adalah ubat yang perlu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah dan hanya boleh digunakan dengan nasihat ahli profesional kesihatan.

Jelasnya, penggunaan produk yang mengandungi bahan-bahan tersebut tanpa pengawasan ahli profesional kesihatan boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan yang tidak diinginkan.

Sementara itu, Noor Hisham juga berkata, penjual dan pengedar produk-produk kosmetik ini perlu menghentikan penjualan dan pengedaran produk-produk tersebut dengan serta-merta kerana melanggar Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

"Individu yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi



KRIM malam Flashhskinzz dan pelembap kulit Rissa mengandungi bahan terlarang dan racun berjadual.

RM25,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau keduanya untuk kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau keduanya untuk kesalahan berikutnya.

"Syarikat yang melakukan kesalahan boleh dikenakan denda sehingga RM50,000 untuk ke-

salahan pertama dan denda sehingga RM100,000 untuk kesalahan berikutnya," ujarnya.

Noor Hisham turut mengingatkan orang awam untuk segera menghentikan penggunaannya dan mendapatkan nasihat daripada ahli profesional kesihatan jika mengalami sebarang ketidakselesaan atau kesan advers (sampingan).

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : DALAM NEGERI

Malaysia tidak diskriminasi pelancong, saring Covid-19 di pintu sempadan

Kesihatan rakyat diutamakan

Oleh **MAISARAH SHEIKH RAHIM**
dan **MOHD FADHLI SULAIMAN**
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kesihatan rakyat sentiasa menjadi keutamaan kerajaan dengan memastikan penularan wabak Covid-19 yang kembali mengancam dunia ketika ini disekat daripada merebak di negara ini.

Tegas Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, walaupun kepentingan ekonomi perlu dijaga termasuk sektor pelancongan namun ia tidak boleh mengatasi kepentingan rakyat.

Katanya, kerajaan tidak akan menyekat kemasukan pelancong dari mana-mana negara, tetapi mereka akan disaring

dengan teliti bagi menyekat penularan wabak tersebut dan kawalan serta pencegahan akan dilakukan sama rata kepada rakyat dari semua negara.

"Kabinet secara tegas memutuskan bahawa kesihatan adalah keutamaan dan persoalan mengenai pelancongan dan ekonomi tidak boleh mengatasi kepentingan ini," kata be-

liau pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet semalam.

Selari dengan pendirian kerajaan itu kata beliau, Malaysia tidak akan mendiskriminasi rakyat China kerana tindakan sama turut terpakai kepada negara yang mempunyai kadar jangkitan tinggi seperti Amerika Syarikat (AS).

"Ini bermakna kerajaan tidak menyekat kemasukan pelancong dari China kerana mengambil kira kes jangkitan wabak itu sudah menular ke negara-negara lain, tidak hanya di negara berkenaan (China)," tegas Anwar.

Bersambung di muka 2

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : DALAM NEGERI

Kesihatan rakyat diutamakan

Dari muka 1

Kata beliau, masalah kesihatan rakyat adalah keutamaan tanpa mengatasi kepentingan pelancongan dan pertumbuhan ekonomi.

Tegas Anwar, tidak ada kompromi dalam menjaga kebajikan rakyat daripada wabak Covid-19.

Amerika Syarikat, Kanada, Perancis dan Jepun adalah antara 12 negara yang kini mewajibkan pelawat dari China menunjukkan keputusan negatif ujian Covid-19 sebelum dibenarkan memasuki negara-negara tersebut.

Maghribi pula mengeluarkan larangan masuk kepada pelancong dari China mulai 3 Januari lalu berikutan peningkatan kes Covid-19.

Susulan itu, jurucakap Kementerian Luar China, Mao Nin menyifatkan sekatan terhadap pelancong negaranya tidak boleh diterima dan China akan melakukan tindak balas.

Pada sidang akhbar sama, Anwar berkata, berdasarkan fakta, jumlah ketibaan pelawat dari negara China sepanjang tahun lalu berjumlah 336,000 yang majoriti adalah pelancong.

Katanya, jumlah pelawat dari negara berkenaan khususnya pada Disember sekitar 53,000 dan berdasarkan pemantauan, ia tidak memberi kesan kepada lonjakan jangkitan yang boleh dikaitkan dengan mana-mana negara.

Jelas beliau, tidak ada pilih kasih terhadap mana-mana negara dalam tindakan memperketatkan kawalan kemasukan warga asing kerana penularan



MALAYSIA tidak akan mendiskriminasi kemasukan pelancong termasuk dari China sebaliknya akan memperketatkan saringan Covid-19 di pintu sempadan negara.

jangkitan adalah lebih kompleks.

Sebagai contoh katanya, ada dalam kalangan pelancong dari Indonesia pernah melawat China, jadi sebarang tindakan tidak boleh diambil secara gopoh semata-mata bersandarkan kepada beberapa laporan sahaja.

Pada masa sama, Anwar menyeru rakyat segera mengambil suntikan vaksin dos penggalak sebagai salah satu usaha pencegahan jangkitan lebih teruk memandangkan sambutan bagi pengambilan dos itu amat rendah iaitu 49 peratus sahaja.

Sedangkan, kata beliau, dos vaksin yang masih ada berjumlah enam juta dan mencukupi,

malah ada vaksin yang perlu dilupuskan kerana tamat tarikh luput.

"Jadi saya usulkan mula dengan wartawan yang belum ambil dos penggalak kerana berdasarkan unjuran dan kajian Kementerian Kesihatan, kes Covid-19 ini belum tamat. Jadi kita minta yang belum ambil dos penggalak berbuat demikian kerana vaksin masih ada.

"Jadi pada Januari ini semua wartawan dikehendaki mengambil dos penggalak, barulah disusuli rakyat. Kalau wartawan menjadi contoh teladan baik, ia disusuli rakyat menerusi kalangan mereka," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI



ORANG ramai disaran kembali mengamalkan prosedur operasi standard (SOP) Covid-19 berikutan kebimbangan peningkatan penularan virus pembunuh itu sejak kebelakangan ini.

Tingkat imuniti, patuhi SOP

PETALING JAYA: Rakyat perlu mengambil langkah meningkatkan imuniti badan dan mengikut prosedur operasi standard (SOP) berikutan dua varian Covid-19 utama yang menular di China dikesan berada di negara ini.

Presiden Pertubuhan Doktor-Doktor Islam Malaysia (PER-DIM), Dr. Boi Saidi Abd Razak berkata, langkah itu penting memandangkan varian baharu itu lebih berbahaya dan penularannya lebih pantas.

Katanya, pengambilan multivitamin dan makanan berkha-

siat seperti sayur-sayuran serta buah-buahan adalah salah satu langkah pencegahan.

"Saya sarankan supaya kita kembali memakai pelitup muka di kawasan orang ramai dan melakukan pemeriksaan dan ujian RTK Antigen Covid-19 sendiri sebagai langkah berjaga-jaga," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Terdahulu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah melaporkan dua varian Covid-19 utama yang menular di China iaitu varian

BA.5.2 dan varian BF.7 dikesan telah berada di Malaysia.

Sehubungan itu, beliau meminta orang ramai mengambil dos penggalak vaksin Covid-19 untuk meningkat daya tahan.

Boi Saidi menambah, Kementerian Kesihatan juga perlu mengambil langkah dengan membuat saringan ketat di lapangan terbang.

"Nak sekat pelancong atau tutup pintu sempadan ini, saya rasa sudah terlambat. Jadi, amalkan SOP semula untuk membendung penularan wabak," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : DALAM NEGERI

Lambakan lulusan: Graduan, doktor pelatih tidak seimbang

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR
uani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kerjaya perubatan di negara ini berdepan ketidakseimbangan antara jumlah graduan dengan doktor pelatih ekoran masalah lambakan lulusan selain bertambahnya pusat pengajian perubatan swasta yang dibenarkan beroperasi tanpa kawalan dan perancangan.

Sejak 2009 hingga 2015, jumlah siswazah perubatan yang menamatkan pengajian di universiti dianggarkan 3,000 orang setahun tetapi meningkat kepada 5,000 hingga 6,000 orang setiap tahun sejak 2016 walaupun kerajaan hanya menyasarkan 4,000 lulusan setiap tahun.

Kerajaan meletakkan nisbah sasaran seorang doktor bagi setiap 400 populasi penduduk menjelang 2025, namun ratio terkini Kementerian Kesihatan adalah 1:441 sekali gus sudah mencukupi daripada jumlah sepatutnya, sedangkan bilangan doktor kontrak 26,303 orang.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, bekas Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye berkata, ketidakseimbangan itu menyebabkan peluang siswazah perubatan menjalani latihan di hospital kerajaan terhad, malah menunggu enam bulan sehingga setahun untuk penempatan.

Katanya, masalah itu secara tidak langsung menjejaskan masa depan bakal doktor apabila terpaksa menunggu lama untuk menyelesaikan latihan siswazah selama dua tahun terlebih dahulu sebelum disahkan bergelar



PELUANG siswazah perubatan menjalani latihan di hospital kerajaan terhad, malah menunggu enam bulan sehingga setahun untuk penempatan.

sebagai pegawai perubatan.

"Sedangkan mereka mempunyai laluan masa depan lebih cerah jika dapat menjalani doktor pelatih sejurus selepas tamat pengajian untuk menyambung bidang kepakaran memandangkan Malaysia berdepan masalah kekurangan doktor pakar.

"Jadi kerajaan khususnya Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Kesihatan perlu melihat keperluan doktor dengan jumlah graduan perubatan agar kedua-duanya dilihat seimbang. Jika tidak, jumlah graduan ramai tetapi keperluan pula tidak memadai menyebabkan

mereka sukar mendapat tempat latihan siswazah, jadi ke mana mereka hendak pergi?

"Kerajaan pula menyasarkan 4,000 graduan siswazah setiap tahun agar mencapai sasaran seorang doktor bersamaan populasi 400 penduduk, tetapi jumlah terkini graduan adalah sekitar 5,000 hingga 6,000 orang setiap tahun di samping lulusan luar negara, maka ia tidak seimbang," katanya.

Semalam, *Utusan Malaysia* melalui ruangan Minda Pengarang membangkitkan isu doktor muda Malaysia yang melarikan untuk mencari peluang di ne-

gara luar.

Pengarang Kumpulan Media Mulia, Mohamad Azlan Jaafar mencadangkan agar kerajaan memperuntukkan peruntukkan tambahan RM3 bilion untuk tambah doktor perubatan, merendahkan ratio jumlah doktor kerajaan dan mengurangkan tempoh menunggu pembedahan.

Mengulas lanjut, Boon Chye bersetuju sekiranya Kementerian Kewangan menyalurkan lebih banyak peruntukan untuk menambah pegawai perubatan dan memperbanyak biasiswa kepada mereka untuk melanjutkan pengajian sebagai doktor pakar.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Kawal ketat kemasukan pelancong ke Malaysia

Kerajaan tidak diskriminasi pelawat asing, ambil pendekatan selamatkan rakyat

Oleh **TUAN BUQHAIKHAH**
TUAN MUHAMAD
ADNAN dan NURUL
HUDA HUSAIN
PUTRAJAYA

Di sebalik kebimbangan umum terhadap peningkatan jangkitan Covid-19, Malaysia berpendirian untuk tidak mendiskriminasikan mana-mana pelawat asing termasuk China yang datang ke negara ini.

Sebaliknya Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan mengambil pendekatan untuk menyelamatkan rakyat.

"Kalau kita lihat kadar jangkitan di China yang di uar-uarkan, kita juga tahu kematian di Amerika Syarikat akibat



FOTO: BERNAMA

Anwar (tiga dari kiri) dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Kabinet di Bangunan Perdana Putra pada Rabu.

Covid-19 juga tinggi, begitu juga beberapa negara lain," katanya menerusi sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Kabinet di sini pada Rabu.

Tegas beliau, sesiapa sahaja yang masuk ke negara ini akan dikenakan pemantauan tahap kesihatan dan syarat yang sama.

Jelasnya, Jabatan Imigresen Malaysia akan memperketat kawalan kemasukan pelancong asing ke negara ini bagi me-

ngekang jangkitan Covid-19.

"Kawalan ketat itu tidak hanya tertumpu kepada pelancong dari China tetapi melibatkan semua negara berisiko tinggi.

"Ia terutamanya negara yang jumlah jangkitannya yang agak tinggi termasuklah Amerika Syarikat, China dan sebagainya," ujar beliau.

Anwar berkata, Malaysia tidak akan mengambil tindakan

tergesa-gesa hanya kerana beberapa laporan.

"Tinjauan di seluruh dunia mendapati masalah tersebut adalah lebih menyeluruh," tegas Perdana Menteri.

Menurutnya, keselamatan rakyat merupakan keutamaan kerajaan pada masa ini.

"Yang penting bagi kita adalah tidak bertolak ansur untuk menjamin keselamatan rakyat," tambahnya.

Amerika Syarikat, Kanada, Perancis dan Jepun adalah antara 12 negara yang kini mewajibkan pelawat dari China menunjukkan keputusan negatif ujian Covid-19 sebelum ketibaan.

Maghribi pula mengeluarkan larangan masuk kepada pelancong dari China mulai 3 Januari berikutan peningkatan kes Covid-19.

Jurucakap Kementerian Luar China, Mao Nin menyifatkan sekatan sebilangan negara terhadap pelancong China adalah amalan tidak boleh diterima dan akan mengambil langkah tindak balas setimpal.

Anwar saran wartawan jadi contoh ambil dos penggalak

PUTRAJAYA - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim secara berseloroh mencadangkan supaya mana-mana wartawan yang belum mengambil dos penggalak supaya berbuat demikian susulan peningkatan kes Covid-19.

Ujarnya, dengan langkah yang diambil petugas media itu diharap mampu menjadi contoh kepada rakyat lain.

Antara lain katanya, ketika ini Malaysia juga mempunyai 'lebih' vaksin Covid-19 yang banyak berikutan masih ramai yang belum mengambil dos penggalak itu.

"(Setakat ini) untuk dos penggalak hanya 49 peratus (yang telah mengambilnya). Jadi, dos yang masih ada itu sekitar enam juta (dan sebab) itu saya usulkan (kita) mula dengan wartawan yang belum ambil dos penggalak pertama untuk ambil kerana jangkitan ini ikut unjuran dan kajian Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) belum menentu.

"Jadi, untuk bulan Januari ini semua wartawan dikehendaki mengambil dos penggalak kemudian disusuli dengan rakyat yang lain kerana kalau wartawan bagi contoh teladan yang baik ia akan diikuti oleh rakyat menerusi karangan (penyampaian berita) mereka," katanya.



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Tindakan tepat tidak sekat pelancong luar

Pakar sarankan ketatkan SOP sudah memadai untuk mengekang jangkitan Covid-19

Oleh NILAM NUR ATIKAH OSHMAN
SHAH ALAM

Pakar kesihatan menyifatkan langkah kerajaan untuk tidak menyekat kemasukan pelancong asing adalah tepat. Pakar Perubatan Kesihatan Awam dan Epidemiologi Datuk Dr Zainal Ariffin Omar berkata, ia kerana pelaksanaan mengetatkan prosedur operasi standard (SOP) memadai untuk mengekang jangkitan Covid-19.

"Setuju kerana kerajaan tidak mahu diskriminasi kepada mana-mana negara, dan mereka juga cuba inisiatif dengan memperketatkan kawalan sedia ada seperti pengimbas suhu terhadap pelancong asing



DR ZAINAL ARIFFIN



Pakar berpendapat langkah kerajaan untuk tidak menyekat kemasukan pelancong asing adalah tepat.

khususnya negara berisiko tinggi berlaku jangkitan wabak.

"Jadi, ia kenyataan bersifat politik kerana jika tidak membenarkan rakyat China masuk, negara itu akan marah, begitu juga rakyat Malaysia, seimbang apa yang Perdana Menteri lakukan.

"Bagaimanapun, bergantung kepada keputusan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) nak buat

macam mana," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Bellau turut menyarankan rakyat yang bimbang tentang kemasukan pelancong luar ke Malaysia untuk menjaga SOP.

"Orang ramai perlu amalkan semula pemakaian pelitup muka dan ambil vaksin serta dos penggalak," ujarnya.

Ketatkan syarat kemasukan pelancong

SHAH ALAM - Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menggesa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil semua langkah perlu bagi mencegah lonjakan kes Covid-19 di negara ini.

Presiden MMA, Dr Muruga Raj Rajathurai berkata, langkah itu termasuk menjalankan ujian Covid-19 ke atas pelancong dari China yang mula memasuki negara bermula 8 Januari ini.

"Kerajaan perlu mengenakan syarat ketat bahawa hanya pengembara China yang mendapat vaksin sepenuhnya bersama keputusan ujian RT-PCR negatif dibenarkan masuk ke Malaysia.

"Sebaik tiba, dalam tempoh 24 jam mereka perlu menjalani pemeriksaan RTK Antigen profesional untuk Covid-19," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Menurutnya, ujian ketat bukan sahaja bertakluk kepada warga China tetapi pelancong dari negara lain yang turut mengalami peningkatan dalam kes Covid-19.

Dalam pada itu, MMA turut bimbang kekurangan tenaga kerja sekiranya kes yang memerlukan kemasukan fasiliti kesihatan termasuk hospital dan kemasukan ke unit rawatan rapi (ICU) mula meningkat.

"Sebagai langkah tambahan, kerajaan boleh membuka pintu sempadan secara beransur jika situasi Covid-19 di negara berkenaan bertambah baik.

"Kami mengakui bahawa Malaysia akan mendapat manfaat dari segi ekonomi dengan jumlah pelancong yang tinggi dari China namun kesihatan dan keselamatan awam mesti diutamakan," ujarnya.



DR MURUGA

Nufam gesa KKM umum SOP baharu industri penerbangan

SHAH ALAM - Kesatuan Kebangsaan Anak-Anak Kapal Kabin Malaysia (Nufam) menggesa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengeluarkan prosedur operasi standard (SOP) baharu bagi pekerja industri penerbangan, khususnya kru kabin dan mereka yang bekerja di lapangan terbang.

Ia susulan kemasukan pelancong dari China bermula 8 Januari ini.

Menurut sekretariat Nufam, ramai ahli kesatuan tertanya-tanya mengenai SOP yang perlu dilaksanakan terutama melibatkan penerbangan keluar masuk ke China.

"Nufam menggesa pihak KKM untuk mempertingkatkan SOP bagi pekerja dalam industri penerbangan.



"Jika keperluan pemakaian pelitup muka dalam penerbangan ke negara yang mempunyai kes tinggi, KKM harus memberi penjelasan mengenai SOP baharu, bukan hanya kepada penumpang tetapi juga kepada pekerja di lapangan terbang.

"Pada amnya, pemakaian pelitup muka perlu dilaksanakan bagi mereka yang berdepan dengan penumpang terutama dari luar negara. Walaupun kes sudah reda di dalam negara tetapi ada laporan menyatakan ia telah merebak ke negara lain," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Tambah Nufam, buat

masa ini terdapat kru kabin yang memilih memakai pelitup muka kerana berasa lebih selamat apabila berinteraksi dengan penumpang, namun SOP untuk golongan pekerja harus lebih jelas sebagai usaha mengelak sebarang jangkitan berlaku di tempat kerja.

Syarikat penerbangan juga disaran menggalakkan pekerja memakai pelitup muka demi kesihatan diri pekerja.

"Nufam tidak mahu ada pekerja pula yang terkesan dengan kes Covid-19 apabila mereka tidak boleh bekerja dan akhirnya terpaksa dikuarantin di rumah.

"Kru kabin juga akan kehilangan pendapatan bulanan mereka jika mereka terpaksa dikuarantin," jelasnya.

Pas mahu menteri jelas situasi sebenar ancaman Covid-19 di Malaysia

SHAH ALAM - Pas menggesa Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa supaya tampil memberi penjelasan menyeluruh mengenai situasi sebenar potensi ancaman penularan Covid-19 di Malaysia bagi mengelak persepsi tidak benar.

Ketua Penerangannya, Khairil Nizam Khirudin berkata, tindakan itu perlu dibuat bagi mengurangkan kebimbangan berikutan beberapa negara lain telah mengambil langkah awal untuk mengekang berlakunya penularan wabak tersebut.

"Tindakan China mengutuk dan mengancam tindak balas terhadap negara-negara yang mengenakan syarat ujian baharu



KHAIRIL NIZAM

Covid-19 terhadap warganegara yang susulan lonjakan kes harus diberi perhatian serius oleh kerajaan Malaysia.

"Kita mesti menyatakan langkah yang tegas, berani dan mengambil sikap proaktif berhubung potensi ancaman penularan wabak ini dari China mutakhir ini.

"Kebanyakan rakyat menzahirkan kebimbangan, malah beberapa negara telah mengambil tindakan lebih awal dari Malaysia.

"Maklumat daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) juga tidak terperinci berbanding realiti di China yang digambarkan semakin serius," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS/NATION

MMA: Allow entry only for fully vaccinated travellers with negative RT-PCR test

KUALA LUMPUR: The Health Ministry needs to impose stricter health measures to prevent a surge in Covid-19 cases.

The Malaysian Medical Association said this included allowing only fully vaccinated travellers from China with a negative reverse transcription-polymerase chain reaction test to enter the country from Jan 8.

The association's president, Dr Muruga Raj Rajathurai, said trav-

ellers from the republic must be screened upon arrival or undergo RTK-Antigen screening within 24 hours of arrival.

He said the same precautions should be adopted for travellers from other nations seeing a significant rise in Covid-19 cases.

"More needs to be done to prevent imported Covid-19 cases, in addition to the Health Ministry's existing measures in preparation for a possible surge in cases.

"We are concerned that with manpower shortages at public healthcare facilities, the healthcare system may be overwhelmed if cases requiring hospitalisation and intensive care surge.

"Perhaps as an additional precaution, the government can look at a gradual opening to visitors from China and relax restrictions when the Covid-19 situation there improves significantly," he said yesterday.

He said the onus was on the government to ensure that public health and safety was the highest priority, even though Malaysia would benefit economically from tourism, with high a number of travellers expected from China.

"We note the public's concerns over the move to allow travellers from China into the country at this time and wish to remind the public that the coronavirus has

been around for three years.

"We have much better control over it now.

"What is important is we take all available preventive measures against Covid-19, including getting booster shots and wearing face masks in crowded and enclosed spaces.

"It is also important to adopt a healthy lifestyle as it strengthens your defence against infectious diseases."

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION

MMA: Put in place measures to prevent Covid-19 surge

By LO TERN CHERN
andylo@thestar.com.my

PETALING JAYA: Only travellers from China who are fully vaccinated and show negative RT-PCR test results should be allowed to enter the country starting Sunday, urged the Malaysian Medical Association (MMA).

The association's president, Dr Muruga Raj Rajathurai, said in a statement such measures are necessary to prevent a Covid-19 surge.

"We urge the Health Ministry (MOH) to take all necessary measures to prevent a surge in Covid-19 cases in the country, including testing of travellers from China when it reopens its borders this Jan 8.

"Even if the dominant Covid-19 variants in China have already been detected in Malaysia, all precautions should be taken to prevent a surge. For now, as China is experiencing a rise in cases of Covid-19.

"Apart from current preventive measures, the government here

should make it a requirement that only fully vaccinated travellers from China with a negative RT-PCR test result be allowed entry and upon arrival at the entry point or within 24 hours, undergo professional RTK Antigen screening for Covid-19," he said.

Dr Muruga added the same should also be done for travellers from other countries experiencing a significant rise in cases.

"Although precautionary measures are being taken by MOH to

prepare for the possibility of a surge, we feel more needs to be done to prevent imported Covid-19 cases.

"We are concerned that with the shortages in manpower at our public healthcare facilities, the healthcare system can still be overwhelmed if cases requiring hospitalisation and Intensive Care Unit (ICU) admission start to surge.

"The government can look at a gradual opening to visitors from China and relax restrictions when

the Covid-19 situation there improves significantly," he added.

Dr Muruga said while the association acknowledges that Malaysia will definitely stand to benefit economically from tourism, it must be ensured that public health and safety remain the highest priority.

The Chinese authorities had previously said that from Jan 8, overseas travellers would no longer need to quarantine upon arriving in China, paving the way for Chinese residents to travel.

No compromise on health

Tightening border controls part of safety measures, says PM

By MARTIN CARVALHO
and ZAKIAH KOYA
newsdesk@thestar.com.my

PUTRAJAYA: The tightening of the nation's border security to protect its people from Covid-19 will not discriminate against any particular country, says Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Preventive measures will be enhanced at entry point. Every inbound traveller will be monitored, particularly those coming from countries with high infection rates, including China and the United States.

"We are not loosening conditions," he told a press conference after chairing the weekly Cabinet meeting here yesterday.

Anwar also stressed that concerns over the performance of the economy, and especially the tourism sector, will not override the safety of the rakyat amid the Covid-19 pandemic.

"The Cabinet has unequivocally decided that the health of the rakyat is the main priority.

"The questions over tourism and the economy cannot override the interest of protecting and treating the rakyat against any pandemic or infection including Covid-19," he added.

He said this was to allay recent doubts on whether preventive actions against Covid-19 would take a backseat to the economy, in particular the tourism sector.

"We have made a firm decision and will not compromise on this,"



Welcome:
Travellers
arriving at KLIA
in Sepang.
— Bernama

he added.

He said 336,000 Chinese entered the country last year, a majority of whom were tourists.

"In December alone, some 53,000 Chinese nationals arrived in Malaysia, and that did not cause a spike in Covid-19 cases," he added.

The decision by the Cabinet comes as China is experiencing a massive wave of Covid-19 infections which has yet to peak.

An influx of over a million Chinese tourists are expected to visit Malaysia after the republic lifts its travel ban on Jan 8.

This comes after China announced it will do away with its "Zero-Covid" policy and lift quaran-

tine requirements for international arrivals.

It also announced that it will lift a ban on outbound travel for Chinese citizens, which has been in place since March 2020.

Several countries such as Japan, India, the United States, Italy and Taiwan have since imposed mandatory Covid-19 testing for travellers arriving from China.

Morocco imposed an outright ban on the entry of visitors from China pending further notice.

Last week, Health Minister Dr Zaliha Mustafa said that all travellers arriving from abroad, particularly from China, would be screened following concerns of a possible

spike in local infections.

She said those showing signs of infections would be quarantined for further tests.

Meanwhile, on the low booster take-up rate, Anwar urged the rakyat to get their booster shots as there are still some six million doses of vaccine available.

On Monday, Dr Zaliha lamented that only 49.8% of Malaysians had received their first booster dose, and only 1.9% got their second booster shot.

Perak may tighten Covid-19 travel rules

By MANJIT KAUR
manjit@thestar.com.my

IPOH: Due to the Covid-19 surge in China, all tourists arriving at the Sultan Azlan Shah Airport and the border town of Pengkalan Hulu may have to undergo health screening, says the state government.

Perak health committee chairman A. Sivanesan said he would meet the state Health Department soon to decide on whether to make masking up mandatory and to also discuss the screening issue.

He said the screening would be important for tourists arriving from China.

"I was particularly impressed with a healthcare screening centre here, where all staff members and patients were masked up at all times.

"It is very important that both private and government departments emulate this to check the spread of Covid-19," he said when contacted yesterday.

It was reported yesterday that Melaka had decided to make masking up mandatory if cases there soared.

The Melaka government said wearing face masks would be made mandatory by Jan 17 in the state if Covid-19 cases record an upward trend.

A check with the Health Ministry's KKMnow portal showed there were 471 active Covid-19 cases in the state as at Wednesday.

Watch the video
TheStarTV.com



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

High-risk? Get the booster shot

Expert urges seniors, those with comorbidities and others to get the jab

By LIEW JIA XIAN
jjaxian@thestar.com.my

GEORGE TOWN: Seniors, those with comorbidities and pregnant and breastfeeding mothers should get their second Covid-19 booster, says family medicine specialist Dr Nazihah Mohd Khalid.

She said that given the presence of Covid-19 variants, namely BA.5.2 and BF.7, which are currently infecting China, those considered high risk should not delay getting their second booster shot.

"Based on the Health Ministry's guideline, those who have gotten their first booster jab are allowed to get their second booster six months after.

"We also encourage those who are staying in and working at a nursing home to get their second booster jab.

"With more people getting their second booster shots, we can have herd immunity to protect those who cannot get vaccinated," she said when met at the Jalan Angsana health clinic in Ayer Itam.

Dr Nazihah said there was sufficient supply of Covid-19 vaccines.

"The Pfizer vaccine is highly recommended by the Health Ministry.

"Those who want their booster shot can come to the health clinic to make an appointment and we will schedule for them to get vaccinated as soon as possible.

"Those who are unsure if they are eligible for the booster shot can go to the nearest health clinic to enquire."

She added that the public's response to the second booster jab



Still playing it safe: Members of the public in Ipoh choosing to mask up while out and about. — Bernama

had been slow compared to the first booster shot as the country was entering the endemic phase.

"However, as there are more variants and we anticipate more cases with the reopening of more international borders, we encourage more people to come and get their second booster jab.

"To keep themselves and their

loved ones safe and healthy, the public is encouraged to wear their face masks in crowded areas, especially those who fall under the high-risk group.

"Sanitise your hands from time to time.

"All these practices have become a norm already and there is no harm in continuing them," she added.

According to the Health Ministry's KKMNow portal, as of Jan 3, a total of 16,280,730 people (49.9%) have received their first booster dose and only 2% of the total population (640,539 people) have received their second booster dose.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah reportedly said the two Omicron variants,

namely BA.5.2 and BF.7, which made up about 80% of the Covid-19 variants currently infecting China, have been detected in Malaysia since March 16 and Aug 21 last year.

He also said as of Dec 31 last year, there were 4,148 cases of the BA.5.2 variant and three cases of BF.7 variant infections in the country.

Meanwhile, trader Cay Bee Eng, 60, said the sale of masks had increased recently due to the surge in Covid-19 cases in China.

"With the recent announcement of the reopening of China's borders, our business had improved.

"Besides, schools just reopened and many parents are here to stock up," she said.

Cay added that she uses a four-ply mask when in a crowded area.

"Since I am a senior citizen, it is better to keep myself protected.

"Many customers came back to replenish their masks as the festive season is coming and they do not want to fall ill," she said when met at her stall in Lorong Kulit.

University student Immanuel Joeboy, 19, was spotted buying a sponge mask at the stall.

"Since my new semester is starting tomorrow, I came to get myself a sponge mask. The sponge mask is trendy and breathable.

"It has become a norm for me to put on a mask in public areas.

"I caught Covid-19 in June last year and I am more careful now," he added.

Pharmacist Lim Chee Mun, 38, said there was only a slight increase in the sales of masks.

"We do see an increase in sales but it is not as obvious as during the Covid-19 peak period," she said.

Boost your immunity if you have respiratory issues

PETALING JAYA: Those with respiratory illnesses should boost their immune systems by getting Covid-19 booster shots and influenza and pneumococcal vaccines, says an expert.

Association of Specialists in Private Medical Practice of Malaysia president Datuk Dr Balwant Singh Gendeh (pic) said those with respiratory illnesses such as asthma, pneumonia and other lung problems are prone to getting severe infections if they contract Covid-19.

Besides getting vaccinated, he also advises them to wear face masks, especially when exposed to the public.

"I strongly advise those with respiratory problems to get their boost-

ers; if they have Sinovac for the first two doses, they should get AstraZeneca or Pfizer as their boosters.

"Now we see that because of the pandemic, the threshold for infections within the community is much higher, which I believe is because the virus has brought our immune system to somewhat below the normal threshold.

"Those (especially with respiratory illnesses) above 18 should also get the influenza vaccine to protect themselves," said Dr Balwant, who is also a Fellow of the Academy of



Sciences Malaysia.

As for the elderly, Dr Balwant urged them to take a step further by also taking the pneumococcal vaccine, which would not only protect them from pneumonia but also pneumococcal meningitis.

Individuals with respiratory problems who tested positive for Covid-19 should learn the early signs of pneumonia and immediately seek medical attention to avoid further complications that could be life-threatening, he added.

"This virus (the SARS-CoV-2) has

an affinity for the lungs and these new variants are more aggressive.

"The symptoms can appear anywhere between three and eight days (after contact), and one's condition can quickly deteriorate due to the patient's respiratory problems.

"If pneumonia is not controlled, it can lead to acute respiratory distress syndromes where all the lungs are clogged with fluid instead of oxygen, making it difficult to breathe. So, the patient will need ventilation to survive," he said.

Among the signs to monitor include shortness of breath, a fever and dry cough.

He said many Covid-19 patients experience a dry cough, which can irritate the throat.

Less than 2% in Johor took second booster dose

JOHOR BARU: Some 56.7% of the population in Johor have received their first Covid-19 booster shot while only 1.8% of them have received their second booster dose, says state health and unity committee chairman Ling Tian Soon.

He said as of Tuesday, some 87% of the population in Johor had completed their first and second vaccinations.

"However, only 56.7% of the entire population gave received their vaccine booster and 1.8% their second (booster) dose," he said in a statement yesterday.

Ling said the protection provided by the Covid-19 vaccine would decrease after a certain time depending on the type of vaccine.

"I would like to advise the public, especially high-risk groups or those with health-related issues, to get their vaccinations to reduce the probability of serious infection or death," he added.


Ling said individuals who have not completed their two doses of the Covid-19 vaccine or the boosters could do so via walk-in or appointments at listed health clinics or hospitals starting Jan 9.

Residents in Johor can check the listed clinics or hospitals by contacting the Johor Health Department via telephone at 07-2245180/188/189, email at fkjohor@moh.gov.my or go to <https://fkjohor.moh.gov.my>.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS



BY MUHAMMAD YUSRY
newsdesk@thesundaily.com

KUALA LUMPUR: Malaysian Inbound Tourist Association (MITA) president Uzaidi Udanis said Malaysians should not react negatively towards Chinese tourists arriving in the country as they help boost the local economy.

He said Malaysians should have more faith in the Health Ministry (MOH) as it is competent and able to manage the outbreak of any disease in the country.

Uzaidi was commenting on the resurgence of Covid-19 in China and the detection in Malaysia of two Omicron variants of the disease, namely BA.5.2 and BF.7, which are responsible for about 80% of the current infections in China.

Backing him is the Malaysian Association of Tour and Travel Agents (Matta), which said initial estimates indicate that 1.2 million Chinese nationals will travel to Malaysia this year.

Their arrivals are expected to generate about RM3.6 billion in tourist receipts.

"It's not their fault that China continues to be ravaged by newer variants of Covid-19. These tourists are here to get away from the stress and lockdown they have been under for the past three years. Let's not frighten them away by being rude or saying negative things because of what is happening in their country."

"They have chosen to visit Malaysia because of our wide-ranging and delectable food, the various tourist sites and more. Tourism Malaysia previously reported that in the first quarter of 2019, 1.33 million Chinese tourists spent a total of RM3.7 billion, so they are very important as a huge source of tourist ringgit for the country."

"On average, they spent RM11,012 per person, a lot more compared with other foreign visitors. They are among the top spenders when they visit foreign countries," he said.

Data from Tourism Malaysia indicated that

Keep calm, be polite

➤ Public should not spurn Chinese tourists despite Covid-19 resurgence in China, says inbound tourist association chief

3.1 million Chinese tourists visited the country in 2019, making Malaysia China's third largest source market for international arrivals.

Uzaidi said the public should not claim that Malaysia will have another lockdown just because Chinese tourists are visiting the country.

"Singapore Airlines flies to China daily. So by logic, shouldn't we close the Singapore border too since it could import the virus to the island state? Of course, doing this would be irrational."

"Meanwhile, Saudi Arabia is spending US\$800 million (RM3.5 billion) to attract

Chinese tourists there. Although that country is blessed with oil and gas, it does not mind spending vast amounts of money to attract Chinese tourists because it knows it will earn it back from them. But in Malaysia, we are questioning the decision to bring them in. Why should we be scared of this?"

Tourism Minister Datuk Seri Tiong King Sing urged the people not to create any perception that we do not welcome tourists from China, but instead help to preserve the good relationship between the two countries.



Turn to
page 2